PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 25 (1) Mei 2021 (118 - 132)

Penyebaran Varian Leksikal Dialek Melayu Satun di Langkawi-Satun: Analisis GIS

[1]Adriana Santa Tinggom & [2]Nor Hashimah Jalaluddin
[1]adrianasanta0126@gmail.com, [2]shima@ukm.edu.my

[1]Institut Alam dan Tamdun Melayu (ATMA),
Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA

[2]Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Falkulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA

Tarikh terima *Received*	:	28 April 2021
Terima untuk diterbitkan *Accepted*	:	20 Mei 2021
Tarikh terbit dalam talian *Published online*	:	30 Mei 2021

Abstrak

Dialek Melayu Satun merupakan dialek yang dituturkan oleh masyarakat Melayu di wilayah Satun, Thailand. Dari aspek sejarah, Satun pada suatu ketika dahulu merupakan wilayah di bawah naungan Kedah. Akibat daripada pemerintahan Inggeris, maka Satun telah dimasukkan ke dalam pemerintahan Thai. Artikel ini bertujuan menghuraikan penyebaran varian leksikal dialek Melayu Satun dengan mengaplikasikan GIS. Kajian dialek ini telah melibatkan Pulau Langkawi dan juga Satun. Kajian bersifat multidisiplin ini akan menjelaskan bagaimana faktor bukan linguistik seperti bentuk muka bumi, persempadanan, migrasi, sejarah dan latar belakang responden selain faktor linguistik yang mencorakkan penyebaran dialek Melayu Satun. Kajian ini melibatkan enam buah mukim di Langkawi iaitu mukim Padang Matsirat, mukim Ayer Hangat, mukim Ulu Melaka, mukim Kedawang, mukim Bohor dan mukim Kuah dan lima buah mukim di wilayah Satun iaitu mukim Che Bilang, mukim Bankhuan, mukim Cha Lung, mukim Tammalang dan Tan Yong Poo. Data yang dikumpul melalui penyelidikan lapangan ini melibatkan 240 orang informan yang terdiri daripada golongan muda, golongan dewasa dan golongan tua. Data yang diperoleh kemudian ditranskripsi dan dimasukkan ke dalam perisian ArcGis bagi menghasilkan peta dialek. Hasil kajian menunjukkan memang terdapat penyebaran yang meluas dialek Melayu Satun di Pulau Langkawi dan juga wilayah Satun itu sendiri. Aplikasi GIS ternyata bukan sahaja mampu melakar *choropleth* dengan tepat tetapi dapat membuktikan bahawa faktor bukan linguistik menjadi faktor tambahan kepada mengapa tersebarnya sesuatu dialek itu ke satu-satu kawasan.

Kata kunci: Dialek Melayu Satun, dialek, GIS, penyebaran, leksikal

The Distribution of Lexical Variants Satun Malay Dialect in Langkawi-Satun : GIS Analysis

Abstract

Satun Malay dialect is the dialect spoken by the Malay community in the province of Satun, Thailand. Historically, Satun was once a province under Kedah's rules. As a result of British rule, Satun was separated into Thai rule. This article aims to explain the influence for the dissemination of Satun Malay dialects by applying GIS. This study involves Langkawi island, Kedah and Satun. This multidisciplinary study explains how non-linguistics factors such as geography, migration, history and respondents' background as well as linguistics shape the distribution of the Satun Malay dialects in the Langkawi island and Satun province. This study was conducted in Langkawi island and involved seven sub-districts namely Padang Matsirat, Bohor, Kuah, Ayer Hangat, Ulu Melaka and Kedawang and Satun province which involved five sub-districts, namely Cha Lung, Ban Khuan, Tammalang, Che Bilang and Tan Yong Poo. Data were gathered through field work which involved 240 informants classified as young, adult and old. The collected data were transcribed and keyed into ArcGis software for producing dialect maps. The result shows that there is a widespread of Satun Malay dialects in both Langkawi and Satun. GIS application has not only been able to accurately reproduce choropleth but have proven that non-linguistic factors are additional factors that explained the reasons for dialects to disseminate in an area.

Keywords: Satun Malay Dialect, dialect, GIS, distribution, lexical

---

1. Pengenalan

Bidang geolinguistik merupakan salah satu bidang multidisiplin yang berguna untuk memperlihatkan perubahan bahasa mahupun dialek sesuatu tempat. Peta bahasa mahupun peta dialek khususnya dapat dijana dengan menggunakan teknologi terkini iaitu GIS dan sekaligus dapat memberikan maklumat linguistik dan juga geografi di sesuatu tempat. Pemaparan peta bahasa ini bukan sahaja mampu menjelaskan perubahan bahasa dari aspek linguistik, malah juga turut memberi maklumat geografi yang sekaligus memberikan corak dialek yang unik dalam sesuatu dialek. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2019), geolinguistik merupakan satu bidang multidisiplin yang menggabungkan linguistik (kajian dialek) dengan geografi serta ilmu sosial yang lain. Menurut beliau, bentuk muka bumi iaitu topografi, sejarah dan migrasi dapat digembleng bersama dengan fakta linguistik bagi menjawab bagaimana sesuatu dialek itu tersebar.

Oleh yang demikian, kajian yang dilakukan ini berfokus kepada penyebaran varian leksikal dialek Melayu Satun di dua tempat iaitu di Langkawi dan juga wilayah Satun, Thailand. Dialek Melayu Satun merupakan dialek yang dituturkan oleh masyarakat Melayu Satun yang menetap di wilayah Satun dan juga di Langkawi, Kedah. Dengan menggunakan teknologi terkini iaitu GIS, peta taburan ataupun dikenali sebagai *choropleth* telah dijana untuk melihat penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan wilayah Satun. Melalui peta *choropleth* yang dijana, ciri-ciri linguistik bagi dialek Melayu Satun dapat dilihat dan sekaligus memberikan maklumat geografi yang menyumbang kepada penyebaran dialek tersebut.

2. Kajian Lepas

Tidak dinafikan bahawa kajian dialek Melayu Satun telah dijalankan sejak dahulu lagi. Terdapat beberapa pengkaji telah meneliti dan mengkaji dialek ini dari pelbagai bidang dan kepentingan. Antara pengkaji yang meneliti kajian dialek Melayu Satun adalah seperti Court (1975), Kamaruddin (1999), Norizah & Nor Hisham (2010), Hayati (2020) dan Nor Hashimah et al. (2020).

Kajian Court (1975) yang bertajuk *The Segmental and Suprasegmental of Malay Loanwords in Satun Thai: A Description with Historical Remarks* membincangkan ciri-ciri fonologi kata pinjaman Melayu Satun di Satun Thai dengan berdasarkan dari aspek sejarah. Antara ciri-ciri yang diketengahkan oleh Court adalah pembentukan ciri pemanjangan kata pinjaman Melayu Satun dan juga fenomena pembentukan nada dalam kata pinjaman Melayu Satun. Di samping itu, Court juga menyenaraikan sebab-sebab pembentukan nada berlaku pada kata pinjaman Melayu Satun dan mengaitkan fenomena tersebut dengan sejarah migrasi Orang Thai di Satun dan juga hubungan budaya antara Melayu dan juga masyarakat Thai. Selain Court (1975), Kamaruddin (1999) juga turut membincangkan tentang dialek Melayu Satun. Dalam kajian beliau yang bertajuk *Perbandingan Fonologi Dialek Melayu Satun dengan Dialek Melayu Perlis*, beliau mengetengahkan perbandingan antara fonologi dialek Melayu Satun dan Dialek Melayu Perlis. Kamaruddin menggunakan Teori Fonologi Struktural yang diperkenalkan oleh Pike (1968). Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua dialek ini mempunyai ciri-ciri fonologi suprasegmental dan struktur suku kata yang hampir sama di samping ciri-ciri segmental yang agak berbeza, khususnya pada segmen-segmen bunyi vokal kompleks di akhir kata dan bunyi konsonan pada kata pinjaman.

Kajian Norizah & Nor Hisham (2010) pula melihat kepada pemeliharaan bahasa ibunda dalam kalangan masyarakat Islam di Satun, Thailand. Kajian yang dijalankan adalah melalui pemerhatian kepada penggunaan bahasa penduduk tempatan ketika berkomunikasi dalam konteks tidak rasmi dan bahasa yang digunakan dalam konteks rasmi. Analisis dibuat dengan mengaitkan maklumat dengan dasar bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara Thai dan bahasa ibunda masyarakat Islam di wilayah Satun iaitu bahasa Melayu. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa bahawa Melayu di wilayah ini digunakan dalam domain keagamaan, kekeluargaan dan persahabatan sahaja. Kajian Hayati Lateh (2020) pula membincangkan mengenai pengekalan dan peralihan dialek Melayu Satun iaitu korelasi antara penggunaan bahasa dengan faktor umur penutur. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan korelasi yang signifikan antara penggunaan dialek Melayu Satun (DMS) dengan faktor umur dalam domain kekeluargaan dan domain jual-beli dan domain pendidikan. Menurut Hayati, semua kategori umur menggunakan DMS dalam domain tidak formal dan bahasa Thai Standard (BTS) dalam domain yang formal. Kajian beliau juga menunjukkan bahawa DMS masih menjadi bahasa utama dalam komunikasi dalam setiap domain. Walau bagaimanapun, berlaku juga peralihan bahasa dari DMS ke BTS dan dialek Thai Selatan (DTS) yang menjadi bahasa domain. Komuniti penutur DMS mula menggunakan BTS dan DTS di kalangan mereka sendiri dalam semua domain tetapi tidak sepenuhnya.

Seiring dengan perkembangan kajian dialek pada masa kini, kajian dialek mula mendapat kedudukan yang sama tinggi dengan kajian dialek peringkat global. Kajian dialek mula bersifat multidisiplin dengan menerapkan pendekatan GIS iaitu *Geographic Information System*. Di Malaysia khususnya, inovasi kajian dialek dicetus oleh Nor Hashimah (2015), Zaharani et al. (2018), Harishon (2017), Siti Noraini (2018), Nor Hashimah et al. (2019), Nor Hashimah et al. (2019) dan Nor Hashimah, Siti Noraini dan Harishon Radzi (2020). Kesemua kajian yang dilakukan oleh pengkaji tersebut telah menggunakan pendekatan GIS untuk menjana isoglos dan peta dialek yang terlakar lebih tepat dan sistematik. Bukan itu sahaja, malah maklumat bukan linguistik seperti topografi, migrasi, sejarah dan sosio-budaya menjadi penguat hujah bagi penjelasan kepada penyebaran dialek sesusatu kawasan. Kajian Nor Hashimah, Zaharani, Harishon dan Norlisafina (2016) telah membuktikan betapa pentingnya topografi dan bentuk muka bumi dalam menyebar atau mengekang sesuatu dialek. Misalnya penyebaran bentuk kata ganti nama di sepanjang sungai Perak dapat menghuraikan kehadiran sub dialek Kuala Kangsar yang ternyata berbeza dengan sub dialek Perak Tengah. Bagi kajian Zaharani et al. (2018) pula telah membuktikan bahawa dialek Patani boleh tersebar sehingga ke Lenggong berdasarkan faktor muka bumi dan juga faktor sejarah dan migrasi. Kajian Nor Hashimah et al. (2019) yang melihat kepada penyebaran dialek Melayu Thai di Langkawi juga telah membuktikan bagaimana faktor ekonomi, sejarah dan bentuk muka bumi boleh menyebabkan dialek Melayu Thai tersebar ke Langkawi. Nor Hashimah et al. (2019) juga turut melihat penyebaran pengaruh dialek Melayu Thai di Malaysia khususnya negeri Perlis, Kedah Langkawi, Pulau Pinang dan Perak. Hasil kajian menunjukkan bukan sahaja dialek Melayu Patani yang tersebar ke semenanjung Tanah Melayu, malah dialek Satun juga tersebar terutamanya di Langkawi dan Perlis. Penerbitan buku Dialektologi dan GIS yang ditulis oleh Nor Hashimah, Siti Noraini, Harishon Radzi (2020) juga turut menghimpunkan kajian dialek di Perak dan Langkawi. Himpunan kajian ini telah membuktikan bahawa pola taburan dialek bagi satu-satu kawasan sangat dipengaruhi oleh faktor bentuk muka bumi dan juga faktor migrasi dan sejarah. Adanya maklumat linguistik dan bukan linguistik, penghuraian dialek menjadi lebih menarik dan jelas.


Batasan Kajian

Kajian ini hanya melihat kepada penyebaran varian leksikal dialek Melayu Satun di Langkawi dan Satun sahaja. Langkawi dipilih sebagai lokasi kajian kerana lokasi ini mempunyai pengaruh dialek Melayu Satun yang mana bersempadan dengan Satun, Thailand. Selain itu, kajian ini juga turut dilakukan di Satun kerana di kawasan tersebut wujudnya masyarakat Melayu Satun yang bertutur dialek Melayu Langkawi dan juga dialek Melayu Satun. Leksikal ‘kelapa’ telah dipilih sebagai data kajian bagi melihat sejauh mana penyebaran varian leksikal dialek Melayu Satun tersebar di Langkawi dan juga di wilayah Satun. Selain itu, leksikal ‘kelapa’ dipilih sebagai data kajian kerana leksikal ini merupakan salah satu perkataan yang sentiasa dituturkan di Langkawi dan Satun. Malah, Langkawi dan Satun cukup terkenal dengan leksikal ‘kelapa’ kerana kedua-dua kawasan merupakan kawasan pantai dan buah kelapa merupakan tanaman yang tumbuh subur di kawasan pantai. Kepelbagaian varian leksikal ‘kelapa’ yang rencam juga menjadi satu faktor pemilihan leksikal ini sebagai data kajian. Penyebaran dialek Melayu Satun ini


dianalisis menggunakan GIS (*Geographical Information System*) bagi menjana peta *choropleth* yang boleh memaparkan penyebaran dialek tersebut.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian lapangan. Kajian ini dilakukan di dua lokasi iaitu di wilayah Satun dan juga Pulau Langkawi. Kedua-dua tempat ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana kedua-dua tempat ini terletak bersempadan di antara satu dengan yang lain. Selain itu juga, meskipun Satun merupakan wilayah naungan Thai pada masa kini, namun sebelum tahun 1813, Satun adalah salah satu daerah di negeri Kedah Tua (Saiburi) yang dikenali sebagai Setul Mambang Segara atau mukim Setul dalam bahasa Melayu. (Hayati Lateh 2020). Hal ini menunjukkan terdapat kerencaman dialek ditemui di Langkawi-Satun disebabkan oleh sejarah antara Satun dan Langkawi. Oleh kerana kajian ini merupakan kajian lapangan maka kajian ini sudah semestinya melibatkan informan dan juga para responden yang terlibat. Informan yang dipilih merupakan ketua-ketua kampung di sesebuah mukim. Sebanyak 240 orang responden iaitu 120 orang dari enam buah mukim di Langkawi dan juga 120 responden di Satun, Thailand. Di Langkawi, mukim yang telah dikenal pasti adalah mukim Ayer Hangat, mukim Ulu Melaka, mukim Kedawang, mukim Kuah, mukim Padang Matsirat dan mukim Bohor manakala di Satun pula mukim-mukim yang terlibat adalah seperti mukim Ban Khuan, mukim Chalung, mukim Tammalang, mukim Che Bilang dan Tan Yang Poo. Terdapat tiga golongan responden yang telah dipilih untuk kajian ini. Tiga golongan tersebut adalah golongan muda, golongan dewasa dan golongan warga tua.



Peta 1: bentuk muka bumi dan mukim- mukim di Langkawi, Kedah.




Peta 2: Peta bentuk muka bumi dan mukim-mukim di wilayah Satun

Kajian lapangan ini melibatkan temu bual dan juga soal selidik. Kedua-dua alat ini digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data. Sekumpulan pelajar linguistik yang dilengkapi dengan pengetahuan fonetik telah dipilih untuk menjalankan temu bual. Mereka diiringi oleh ketua kampung yang bertindak sebagai informan untuk memastikan keselamatan mereka adalah terjamin. Borang soal selidik yang mempunyai 40 senarai leksikal telah disiapkan berdasarkan kerangka Swadesh dan disesuaikan dengan leksikal tempatan yang kerap dituturkan dan dipakai (Collins, 1983). Untuk kajian ini, pengkaji telah memilih leksikal 'kelapa'. Leksikal ini dipilih kerana leksikal ini mencatat jumlah varian yang tinggi dan penyebaran kerencaman dialek Melayu Satun dapat dilihat dengan jelas berdasarkan leksikal 'kelapa' ini. Selain senarai perkataan tersebut, pengkaji juga turut mengutip latar belakang yakni biodata daripada responden termasuk maklumat topografi sesebuah kampung. Selain itu, pengkaji juga turut mencatatkan latar belakang responden seperti nama, umur, pekerjaan, pendidikan, asal kelahiran ibu dan ayah sebagai salah satu data yang digunakan untuk melihat penyebaran varian leksikal 'kelapa' di kedua-dua tempat. Setelah data ditranskripsi dan dibersihkan, maka langkah seterusnya adalah

dengan memasukkan data dalam Excel dan seterusnya diimport ke dalam perisian *Geographical Information System* (GIS).

GIS adalah satu perisian yang mampu menggabungkan data linguistik bersama-sama dengan alat analisis Spatial. Teknik-teknik berasaskan penggunaan alat GIS adalah bertujuan mengintegrasikan pendekatan konvensional bahasa dan membantu kita untuk menghasilkan isoglos yang lebih sistematik bagi sub-dialek yang dituturkan di sesebuah kawasan. (Siti Noraini, 2014). Menurut Onishi (2010), kelebihan menggunakan GIS bukan sahaja maklumat topografi seperti trafik, ketinggian dan kampung-kampung, tetapi juga data statistik seperti demografi dan taburan hujan boleh dilihat pada peta bersama dengan data pengedaran dialektologi dan dengan mengulangi sekerap dan membina data yang banyak.



BIL.	KAMPUNG	Jumlah Varian	Kelapa	ɲɔʕ	ɲɔ	mɑ́pɾɑ́ːw	ɲúa	ɲiɔ̀ʕ
1	Kampung Ewa			ɲɔʕ				
2	Kampung Teluk Yu			ɲɔʕ				
3	Kampung Kelubi			ɲɔʕ				
4	Kampung Kubang Badak			ɲɔʕ				
5	Kampung Padang Lalang	3		ɲɔʕ		mɑ́pɾɑ́ːw		ɲiɔ̀ʕ
6	Kampung Raja			ɲɔʕ				
7	Kampung Bawah			ɲɔʕ				
8	Kampung Batu Ara			ɲɔʕ				
9	Kampung Bukit Kemboja			ɲɔʕ				
10	Kampung Nyior Cabang			ɲɔʕ				
11	Kampung Ulu Melaka			ɲɔʕ				
12	Kampung Bayas			ɲɔʕ				
13	Kampung Padang Geong			ɲɔʕ				
14	Kampung Parana			ɲɔʕ				
15	Kampung Bakau			ɲɔʕ				
16	Kampung Bendang Baru			ɲɔʕ				
17	Pulau Tuba			ɲɔʕ				
18	Kampung Lubok Cempedak			ɲɔʕ				
19	Kampung Gelam			ɲɔʕ				

Gambar rajah 1: Senarai varian leksikal ‘kelapa’ dalam bentuk *Excel.*


4. Analisis dan Perbincangan

Daripada hasil kajian yang dilakukan, terdapat lima varian leksikal ‘kelapa’ yang ditemui daripada data yang telah dikumpulkan. Lima varian leksikal tersebut adalah seperti [ɲɔʕ], [mɑ́pɾɑːw], [ɲɔ], [ɲûɑ] dan [ɲiɔ̀ʕ]. Leksikal yang dijumpai di Langkawi adalah seperti [ɲɔʕ], [mɑ́pɾɑːw], [ɲɔ]dan [ɲiɔ̀ʕ] manakala di Satun pula varian [ɲɔʕ], [mɑ́pɾɑːw], [ɲûɑ]dan [ɲiɔ̀ʕ] telah dijumpai. Berdasarkan analisis dapatan, terdapat beberapa faktor

yang menyumbang kepada berlakunya kewujudan dialek Melayu Satun di Langkawi dan Satun. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi kepelbagai varian adalah faktor sempadan, bentuk muka bumi, migrasi, sejarah dan ekonomi.

Taburan Varian Leksikal ‘kelapa’ di Langkawi dan Satun


Peta di bawah menunjukkan peta *choropleth* untuk menunjukkan taburan varian leksikal ‘kelapa’ di Langkawi dan juga wilayah Satun, Thailand. Peta *choropleth* yang dijana dengan menggunakan teknologi GIS telah menunjukkan taburan varian leksikal dengan lebih baik, jelas dan sistematik. Hal ini telah memberikan gambaran yang jelas mengenai penyebaran varian leksikal ‘kelapa’ di Langkawi-Satun.



Peta 3: Peta *choropleth* varian leksikal ‘kelapa’ di Langkawi

Merujuk kepada peta taburan *choropleth* di atas, pengkaji mendapati terdapat empat mukim yang telah menuturkan dialek Melayu Satun di Langkawi. Empat mukim yang dimaksudkan adalah mukim Ayer Hangat yang bertempat di kampung Padang Lalang , mukim Ulu Melaka, mukim Kuah iaitu di Pulau Tuba dan kampung Lubok Cempedak dan

juga mukim Kedawang iaitu di kampung Chenang dan kampung Temoyong. Kewujudan dialek Melayu Satun di keempat-empat mukim ini adalah melalui penemuan varian dialek Melayu Satun iaitu varian [ɲiðʕ] yang diwakili dengan simbol dan juga varian [ḿɑpŕɑːw] yang diwakili dengan simbol . Kedua-dua varian tersebut merupakan dialek Melayu Satun kerana kedua-dua varian tersebut dipengaruhi oleh fonologi Thai. Menurut Nor Hashimah et al. (2019) , terdapat beberapa ciri-ciri pengaruh fonologi Thai yang adalah pada dialek Melayu Satun. Antaranya adalah pembentukan nada, pemanjangan vokal, monosilabikasi dan aspirasi. Varian [ɲiðʕ] yang dituturkan di Langkawi ini mempunyai pembentukan nada dan ini menunjukkan varian [ɲiðʕ] merupakan varian dialek Melayu Satun. Bagi varian [ḿɑpŕɑːw] pula, varian ini merupakan leksikal Thai itu sendiri. Ini menunjukkan masyarakat Melayu Satun yang bermastautin di Langkawi boleh bertutur dalam dwibahasa iaitu dialek Melayu Satun dan juga bahasa Thai itu sendiri.



Peta 4: Peta *choropleth* bagi varian leksikal ‘kelapa’di wilayah Satun

Peta seterusnya pula menunjukkan peta taburan varian leksikal [kelapa] di wilayah Satun. Berdasarkan peta *choropleth* tersebut, terdapat empat varian leksikal yang ditemui. Tiga varian leksikal yang merupakan dialek Melayu Satun adalah [ḿɑpŕɑːw], [ɲûɑ] dan [ɲiɔ̀ʔ]. Varian [ḿɑpŕɑːw] diwakili dengan simbol , manakala [ɲûɑ] diwakili dengan simbol dan varian [ɲiɔ̀ʔ] diwakili dengan simbol . Varian [ḿɑpŕɑːw] dan [ɲûɑ] merupakan leksikal bahasa Thai itu sendiri manakala [ɲiɔ̀ʔ] pula merupakan dialek Melayu Satun yang dipengaruhi oleh ciri-ciri fonologi Thai iaitu pembentukan nada. Varian [ɲɔʔ] pula merupakan varian bagi dialek Melayu Kedah dan juga dituturkan di wilayah Satun. Varian tersebut diwakili dengan simbol .

Penyebaran varian leksikal dialek Melayu Satun di Langkawi dan Satun

Penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan wilayah Satun itu sendiri menunjukkan bahawa wujudnya kerencaman dialek yang berlaku di Langkawi dan Satun. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya penyebaran dialek Melayu Satun ini. Antaranya ialah faktor :

i. Persempadanan

Persempadanan antara Langkawi dan Satun sangat memainkan peranan penting dalam penyebaran Dialek Melayu Satun di Langkawi. Seperti sedia maklum, Pulau Langkawi bersempadan dengan Selatan Thailand iaitu wilayah Satun itu sendiri. Hal ini telah menyebabkan penghijrahan masyarakat Melayu Satun masuk ke Pulau Langkawi. Hal ini dibuktikan apabila wujudnya dialek Melayu Satun dituturkan di kampung Padang Lalang, mukim Ayer Hangat, mukim Ulu Melaka, Pulau Tuba dan kampung Lubuk Cempedak di mukim Kuah, dan juga kampung Temoyong dan kampung Chenang di mukim Kedawang. Buktinya terdapat varian leksikal ‘kelapa’ iaitu [ḿɑpŕɑːw] dan [ɲiɔ̀ʔ] dijumpai di kawasan tersebut. Selain itu, kemudahan pengangkutan feri dan pas kemasukan bulanan yang murah juga turut memudahkan masyarakat Satun datang ke Langkawi untuk tujuan perniagaan. Menurut Nor Hashimah (2017), kemudahan pas bulanan untuk masyarakat Thai ke Langkawi dan sebaliknya menjadi faktor pendorong untuk mereka terus berada di bumi Langkawi. Daripada pemerhatian kajian ini, kebanyakan masyarakat Thai bekerja sebagai peniaga kecil, nelayan, tukang rumah dan pekerja restoran.

Di Satun pula, persempadanan di antara Langkawi dan Satun juga turut memberi sumbangan kepada kepelbagaian variasi bagi leksikal ‘kelapa’. Hal ini dibuktikan apabila wujudnya varian leksikal [ɲɔʔ] dijumpai di wilayah Satun iaitu di mukim Che Bilang dan Tan Yong Poo. Kedua-dua mukim ini mendapat pengaruh dialek Melayu Kedah disebabkan bersempadan dengan Pulau Langkawi. Bagi mukim Cha Lung, mukim Ban Khuan dan mukim Tammalang, ketiga-tiga mukim ini lebih dipengaruhi oleh nahu bahasa Thai itu sendiri kerana berada di kawasan yang lebih pedalaman jika dibandingkan dengan mukim Che Bilang dan Tan Yong Poo.



Peta 5: Peta kedudukan Satun yang bersempadan dengan Pulau Langkawi. (Sumber: *Google Earth*)

ii Bentuk Muka Bumi

Selain daripada faktor persempadanan, faktor bentuk muka bumi juga turut memainkan peranan penting dalam penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan juga Satun. Menurut Nor Hashimah (2015), keadaan tanah pamah dan rata di satu-satu kawasan telah menjadi jalan penghubung utama masyarakat untuk komunikasi. Hal ini sekaligus menyebabkan kawasan tersebut menjadi kawasan tumpuan dan turut menyumbang kepada penyebaran dialek. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati wujudnya varian leksikal bagi dialek Melayu Satun di kampung Padang Lalang di Ayer Hangat menunjukkan bahawa wujudnya masyarakat Melayu Satun di kawasan itu. Fenomena ini berlaku disebabkan kedudukan kampug tersebut yang berada di kawasan tanah pamah tidak dikelilingi kawasan berbukit dan bergunung. Hal ini telah menyebabkan kawasan tersebut menjadi tumpuan masyarakat Melayu Satun yang berhijrah ke Langkawi. Oleh kerana itu, pengkaji bukan sahaja menjumpai dialek Melayu Kedah iaitu varian [ɲɔʔ], malah turut menjumpai varian [ḿɑpŕɑːw] dan [ɲiəʔ] yang merupakan varian bagi leksikal 'kelapa' dalam dialek Melayu Satun. Berbeza pula hal nya dengan kampung Teluk Yu di mukim Ayer Hangat. Hasil kajian menunjukkan bahawa varian [ḿɑpŕɑːw] dan [ɲiəʔ] tidak dijumpai di kampung tersebut. Hal ini kerana kampung Teluk Yu terpisah dari kampung Padang Lalang oleh Teluk Yu. Hal ini juga berlaku di Pulau Tuba dan kampung Lubuk Cempedak di mukim Kuah. Pulau Tuba merupakan kawasan perairan dan juga kawasan yang bebas daripada tiupan angin kencang. Oleh itu, ramai nelayan dari Satun iaitu dikenali sebagai komuniti

Sam-Sam menetap di Pulau Tuba dan telah membuat penempatan sementara iaitu di kampung Lubuk Cempedak untuk mencari rezeki sebagai nelayan. Hal ini telah dibuktikan oleh kajian yang dilakukan oleh Noriah Mohamed dan Omar Yusoff (2010) yang menyatakan bahawa wujudnya komuniti Sam-sam di Langkawi. Di Satun pula, bentuk muka bumi juga turut menjadi salah faktor penyebaran dialek Melayu Satun. Hasil kajian mendapati varian [ḿɑpŕɑːw] dan [ɲûɑ] hanya didapati di tiga buah mukim iaitu di mukim Cha Lung, mukim Ban Khuan dan mukim Tammalang. Mukim Cha Lung dan mukim Ban Khuan yang bertanah rata telah menyebabkan penyebaran varian [ḿɑpŕɑːw] dan [ɲûɑ] boleh tersebar dengan mudah. Selain itu, kewujudan sungai di antara Tammalang dan mukim Ban Khuan juga menyebabkan varian ini boleh tersebar dari mukim Ban Khuan ke mukim Tammalang. Hal ini kerana pengangkutan air seperti bot kecil mahupun sampan telah digunakan untuk menuju ke mukim Ban Khuan bagi tujuan komunikasi. Di samping itu, kewujudan sungai yang besar di Tammalang telah menghalang varian [ḿɑpŕɑːw] dan [ɲûɑ] tersebar ke mukim Che Bilang dan Tan Yang Poo. Oleh itu, pengkaji hanya mendapati varian [ḿɑpŕɑːw] dan [ɲûɑ] hanya terdapat di mukim Cha Lung, mukim Ban Khuan dan mukim Tammalang.

iii Migrasi

Faktor seterusnya ialah faktor migrasi. Penghijrahan masyarakat Melayu Satun ke Langkawi adalah disebabkan oleh faktor peluang pekerjaan. Hal ini kerana Pulau Langkawi merupakan sebuah pulau yang terkenal dengan aktiviti pelancongan. Menurut Jabil dan Ku Hussaini (2012), menyatakan bahawa kedudukan Pulau Langkawi yang dikelilingi oleh gugusan pulau kecil dan sumber semula jadi seperti pantai, laut, gunung-ganang dan warisan sejarah tersendiri telah menjadi aset penting sebagai lokasi penganjuran sukan bertaraf antarabangsa sekaligus menjadi pemangkin kepada pembangunan sektor pelancongan. Disebabkan pembangunan sektor pelancongan ini, maka ini telah menambahkan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan kepada penduduk pulau Langkawi. Oleh itu, tidak hairanlah sehingga kini, masih terdapat penghijrahan masyarakat Satun ke pulau ini untuk merebut peluang pekerjaan yang ada. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa mukim Kedawang iaitu di kampung Chenang dan juga kampung Temoyong merupakan kawasan yang terdapatnya penutur yang menuturkan dialek Melayu Satun dan juga dialek Melayu Patani. Bahkan ada sebahagian daripada masyarakat Satun yang datang telah mengambil peluang untuk membuka perniagaan seperti kedai makan dan pusat urut tradisional Thai di kedua-dua kawasan tersebut. Hasil daripada penghijrahan ini maka terbentuklah perkahwinan campur antara masyarakat Siam di Satun dengan masyarakat tempatan. Kamaruddin (1999) menegaskan bahawa ketiadaan sistem kelas dalam masyarakat Melayu menyebabkan taraf kedudukan orang Thai adalah setaraf dengan penduduk Melayu di luar bandar. Hal ini telah memungkinkan pergaulan yang bebas dan komunikasi antara masyarakat Melayu Satun dengan masyarakat Melayu Langkawi secara meluas dan telah menyebabkan asimilasi berlaku. Penyataan ini juga disokong oleh Harishon Radzi et al. (2012) yang menyatakan bahasa komunikasi yang menggunakan bahasa dilahirkan dalam sesuatu peristiwa bahasa tertentu. Peristiwa bahasa khususnya merujuk kepada kejadian komunikasi yang menggunakan bahasa lisan, iaitu perbualan antara kawan, ahli kelompok tanpa mengira kumpulan majoriti mahupun minoriti.

iv Sejarah

Kewujudan masyarakat Melayu di Satun adalah disebabkan oleh faktor sejarah. Pada mulanya, wilayah Satun mempunyai hubungan rapat dengan negeri Sai Buri yang dikenali sebah Kedah pada ketika ini. Menurut Asmah (2019), sebelum campur tangan Siam dalam sejarah politik Kedah, kawasan yang dikenali sebagai Perlis dan Satun merupakan bahagian dari kerajaan Kedah. Penduduk Melayu Satun pada asalnya bertutur dalam dialek Melayu Satun dan mereka adalah penduduk asal di kawasan yang didiami sekarang yang mana ia merupakan sebahagian daripada penyebaran asal orang Melayu yang meliputi kepulauan Melayu dan bahagian selatan daratan Asia. Menurut Kamaruddin (1999), hingga pada tahun 1909, Satun diiktirafkan sebagai negeri ketiga dalam lingkaran kerajaan Phuket. Pada tahun 1922, negara Thai mengalami revolusi pemerintahan, maka pada ketika itulah Satun diangkat tarafnya menjadi sebagai sebuah wilayah dalam negara Thai hingga sekarang. Setelah Satun dijadikan sebagai salah satu wilayah dari Thai, kedudukan masyarakat Melayu Satun tergugat. Hal ini kerana kerajaan Thai telah berusaha untuk merealisasikan dasar pembinaan bangsa Thai dengan menjalankan berbagai-bagai rancangan dan dasar terhadap masyarakat Thai dan ada juga dasar yang dibuat khusus bagi orang Thai berketurunan Melayu Islam di keempat-empat wilayah di Selatan Thailand iaitu Yala, Narathiwat, Pattani dan Satun. Antara dasar-dasar tersebut ialah Dasar Penyusunan Negeri-negeri Melayu atau Dasar Pecah dan Perintah, Dasar Pemindahan dan Penempatan Orang-orang Melayu, Dasar Reformasi Pemerintahan, Dasar Pengurusan Pendidikan, Dasar Penguatkuasaan Akta Sekolah Kebangsaan atau Dasar Penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib, Dasar Penggunaan Istilah "Thai Muslim" untuk orang Melayu, Dasar Penggunaan Nama Keluarga, Dasar Penguatkuasaan Undang-undang untuk orang Muslim dan sebagainya lagi. Kesan daripada dasar yang telah dilakukan ini, maka penggunaan bahasa Melayu Satun dalam kalangan masyarakat Satun semakin kurang. Jika diteliti daripada peta Satun di atas, didapati hanya mukim Che Bilang dan Tan Yang Poo yang masih mempunyai pengaruh Melayu yang kuat jika dibandingkan dengan mukim Ban Khuan dan mukim Chalung yang mana kedua-dua mukim ini terletak di kawasan pedalaman dan lebih dipengaruhi oleh nahu bahasa Thai itu sendiri. Dalam kajian yang dilakukan oleh Worawit (1999), berdasarkan penggunaan bahasa, penduduk Satun dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu, kumpulan berbahasa dialek Melayu Satun, kumpulan berdwibahasa iaitu bertutur dalam dialek Melayu dan dialek Thai Selatan dan kumpulan berbahasa dialek Thai Selatan. Hal ini juga telah membuktikan bahawa terdapat pengaruh fonologi Thai ditemui dalam dialek Melayu Satun. Misalnya dalam leksikal 'kelapa'. Varian bagi leksikal 'kelapa' yang mempunyai pengaruh fonologi Thai adalah varian [ɲiəʔ] yang mana varian ini merupakan gabungan dialek Melayu Kedah [ɲɔʔ] dan pengaruh nada yang ada pada bahasa Thai. Oleh itu, tidak hairanlah masyarakat Melayu Satun boleh berbahasa Thai dan juga bertutur dalam dialek Melayu Satun.

v. Latar belakang responden

Latar belakang responden seperti umur juga turut mempengaruhi penyebaran varian leksikal 'kelapa' di Satun dan Langkawi. Di Satun, hasil kajian menunjukkan golongan warga tua yang berumur 50 tahun ke atas lebih cenderung menggunakan dialek Melayu Satun, manakala golongan muda seperti kanak-kanak dan remaja lebih cenderung untuk

bertutur dalam bahasa Thai. Golongan warga tua yang tidak berpendidikan dan mempunyai pekerjaan seperti suri rumah dan juga golongan petani serta nelayan lebih cenderung menggunakan dialek Melayu Satun dalam perbualan harian mereka. Kebanyakan perkataan-perkataan yang dituturkan oleh golongan ini lebih kepada dialek Melayu Satun yang dipengaruhi oleh dialek Melayu Langkawi. Bagi golongan kanak-kanak dan remaja pula, golongan ini lebih banyak menuturkan bahasa Thai disebabkan oleh faktor pendidikan. Dasar pendidikan yang mewajibkan pelajar bertutur dalam bahasa Thai telah menyebabkan golongan remaja dan kanak-kanak ini lebih cenderung untuk memilih leksikal bahasa Thai itu sendiri semasa bertutur. Selain itu, pengaruh media massa seperti televisyen, radio dan internet juga turut mempengaruhi pemilihan leksikal golongan kanak-kanak dan golongan remaja. Hal ini kerana media massa di wilayah Satun telah menggunakan bahasa rasmi negara Thai iaitu bahasa Thai sebagai bahasa penghantar. Di Langkawi pula, masyarakat Melayu Satun yang datang ke Langkawi didapati boleh bertutur dalam bahasa Thai dan juga dialek Melayu Satun. Masyarakat ini boleh bertutur dalam dwibahasa dengan fasih sekali dan ini dibuktikan dengan data yang dijumpai mempunyai leksikal bahasa Thai dan juga dialek Melayu Satun. Perkahwinan campur misalnya telah menjadi satu faktor yang mendorong kepada penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi. Hal ini kerana masyarakat Melayu Satun telah berasimilasi dengan penduduk tempatan dan dapat menyesuaikan diri dengan budaya, adat dan cara hidup masyarakat Melayu Langkawi. Oleh itu, faktor latar belakang responden seperti umur dan juga perkahwinan campur telah mendorong kepada penyebaran varian leksikal dialek Melayu Satun di kedua-dua tempat.

5. Kesimpulan

Perkembangan teknologi GIS telah memainkan peranan yang penting dalam penyebaran varian leksikal dialek Melayu Satun di Langkawi-Satun. Hal ini kerana penggunaan GIS telah menyebabkan kajian ini dapat memberikan pentafsiran penyebaran pola dialek dengan berpada dan sistematik. Selain itu, pendekatan GIS dapat membantu menjelaskan gejala penyebaran dialek bagi leksikal ‘kelapa’ di Langkawi dan Satun dengan lebih baik kerana adanya maklumat bentuk muka bumi yang boleh dihubungkan dengan faktor bentuk muka bumi. Selain itu, faktor persempadanan, migrasi, sejarah dan latar belakang responden juga turut menjadi faktor yang menyumbang kepada penyebaran varian leksikal dialek Melayu Satun di Langkawi-Satun. Pengaplikasian GIS dalam bidang dialektologi bukan sahaja memudahkan pengkaji untuk melihat penyebaran sesuatu dialek tetapi juga sekaligus memberi nafas baru kepada bidang dialektologi dengan menggunakan metodologi berasaskan teknologi masa kini iaitu GIS.

Rujukan

Asmah Haji Omar. (2019). Bahasa Melayu Di Daratan Asia Tenggara: Pendekatan Sejarah dan Geolinguistik. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Collins, J. T. (1983). Dialek ulu Terengganu. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Christopher Court. (1975) "The segmental and suprasegmental representation of Malay loanwords in Satun Thai: a description with historical remarks", in Studies in Tai Linguistics in Honor of William J. Gedney, ed. J.G. Harris and J.R. Chamberlain, pp. 67-88. Central Institute of English Language.

Jabil & Ku Hussaini. (2012). Map of Kedah & Langkawi Island Tourist Map. Penganjuran Sukan Antarabangsa Sebagai Tarikan Pelancongan di Pulau Langkawi. Sintuk: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Hayati Lateh, Nor Hashimah Jalaluddin& Mohammad Fadzeli Jaafar. (2020). Pengekalan dan Peralihan Dialek Melayu Satun: Korelasi Antara Penggunaan Bahasa dengan Faktor Umur Penutur. Dlm Jurnal Linguistik. Vol 24(2) November2020 (047—58).

Kamaruddin Esayah. (1999). *Perbandingan Fonologi Dialek Melayu Satun dengan Dialek Melayu Perlis*. Tesis Sarjana. Penang: Universiti Sains Malaysia.

Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi & Norlisafina Sanit (2016). Varian kata ganti nama dialek di pesisir sungai Perak: Analisis geographical information system (GIS). GEMA Online Journal of Language Studies, 16(1), 109-123.

Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah, Harishon Radzi &Junaini Kasdan. (2017) Penyebaran dialek Melayu di Langkawi. Analisis Geolinguistik. GEMA Online® Journal of Language Studies. Vol. 17(4):159-178.

Nor Hashimah Jalaluddin, Adriana Santa Tinggom, Siti Noraini Hamzah & Hayati Lateh. (2019). Penyebaran Dialek Melayu Satun di Langkawi dan di Thai: Satu Kajian Perbandingan Berasaskan Geographic Information System (GIS). GEMA Online® Journal of Language Studies. Vol.19 (1): 77-96.

Nor Hashimah Jalaluddin, Mohamed Fazal Mohamed Sultan, Harishon Radzi & Khairul Asraaf Saari. (2019). Penyebaran Pengaruh Dialek Melayu Thai di Malaysia: Analisis GIS. Journal of Nusantara Studies. Vol 4(2) 362-309.

Noriah Mohamed & Omar Yusoff. (2010). Tinjauan Identiti dan Bahasa Hibrid dalam Kalangan Sam-Sam, Baba Nyonya dan Jawi Peranakan di Utara Semenanjung Malaysia.Sari-International Journalof the Malay World and Civilisation. Vol. 28(2), 35-61.

Norizah Ardi & Nor Hisham Osman. (2010). Pemeliharaan Bahasa Ibunda dalam masyarakat Islam di Satun, Thailand. Dicapai 29 September 2015, daripada http://repository.um.edu.my/id/eprint/83097

Onishi, T. (2010). Analyzing dialectological distributions of Japanese. Dialectologia. Special Issue (1), 123-135.

Harishon Radzi. (2017). *Analisis geolinguistik leksikal dialek Melayu di Perak menggunakan sistem maklumat geografi*. (Tesis PhD tak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

Siti Noraini Hamzah dan Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Penyebaran Leksikal [air] di Perak : Analisis Geo-Spatial. Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK 2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Teerarojanarat S. &Tingsabadh, K. (2011). A GIS-Based Approach For Dialect Boundary Studies. Jurnal Dialectologia of Universitat de Barcelona. Vol. 6, 55-75.

Worawit Baru. (1999). Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai.Tesis Sarjana Falsafah. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya.

Biodata penulis:

Adriana Santa Anak Tinggom adalah calon PhD. di Institut Alam dan Tamadun Melayu, ATMA, UKM.

Nor Hashimah Jalaluddin (PhD) adalah Profesor di program Linguistik, FSSK, UKM. Beliau banyak mengkaji semantik, pragmatik dan kini giat menjalankan kajian geolinguistik dan akal budi Melayu. Beliau banyak menulis buku ilmiah dan artikel jurnal berimpak berdasarkan penyelidikan.